

BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-MUQARRABIN (BKKSM)
BANDAR PUNCAK ALAM

Terma-terma dan syarat-syarat untuk keahlian tahun 2023:

1. Keahlian

Ketua keluarga(*suami atau isteri*) serta orang perseorangan yang **menetap di ALAM SURIA sahaja** (*samada mastautin atau menyewa*) merangkumi fasa-fasa 5A3, 5A5, 5A6 dan 5A7 sahaja.

2. Definasi Ahli

Bermastautin di Alam Suria Fasa 5A3, 5A5, 5A6 dan 5A7 Bandar Puncak Alam. **Ahli aktif** adalah ahli yang memperbaharui keahlian untuk tahun itu.

3. Tanggungan • Suami/Isteri atau Isteri-isteri

Suami/isteri atau isteri-isteri(*yang menetap di Alam Suria sahaja dan* telah di daftarkan dalam borang khairat atau kemaskini maklumat)

• Anak-anak:

(i) Anak

Anak atau anak-anak ahli yang berumur 23 tahun ke bawah

(ii) Anak tiri

Anak atau anak-anak seorang janda atau duda yang dikahwini oleh ahli.(telah di daftarkan dalam borang khairat atau kemaskini maklumat)

(iii) Anak angkat

Anak atau anak-anak yang di bela sejak kelahirannya dan disahkan status anak tersebut.

4. Iububapa atau mertua

Iububapa atau mertua **BUKAN** tanggungan ahli. Boleh mendaftar sebagai ahli kepada BKKSM dengan syarat tinggal bersama atau menetap di Alam Suria 5A3, 5A5, 5A6 atau 5A7.

5. Bayi berumur kurang 6 bulan, Janin yang cukup sifat yang meninggal dunia.

Untuk bayi yang baru lahir atau berumur kurang daripada 6 bulan, bayaran sumbangan sebanyak RM300 untuk pengurusan jenazah ini. Tiada solat jenazah dan bacaan Tahlil untuk arwah bayi ini.

6. Tempoh Perlindungan

Tempoh perlindungan adalah sah dan diguna pakai sehingga **30hb April 2024**. Pendaftaran keahlian dibuka bermula **01 January 2023** sehingga Tarikh tutup pada **30hb April 2023**.

7. Yuran keahlian, tahunan dan Manfaat

Yuran **tahunan** untuk ahli (termasuk tanggungan ahli) adalah sebanyak **RM 45.00**(*Ringgit: Empat Puluh Lima sahaja*).

SURAU AL-MUQARRABIN BANDAR PUNCAK ALAM.

LOT 13836, JALAN ALAM SURIA, 16/60, FASA 5A5, SEKSYEN 16, 42300 BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR (PPM-017-10-16112012)

BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-MUQARRABIN (BKKSM)

BANDAR PUNCAK ALAM

Yuran **keahlian RM10** dikenakan kepada ahli baru dan bayaran adalah sekali seumur hidup. **RM10** juga dikenakan kepada ahli yang tidak memperbaharui keahliannya untuk tahun sebelumnya. (Ahli Tidak Aktif)

BAYARAN BOLEH DI BUAT MELALUI ONLINE TOYIB PAY SAHAJA SETELAH MELENGKAPKAN BUTIRAN DI LINK YANG DIBERIKAN DALAM HEBAHAN.

<https://ekhairatalmuqarrabin.com/pendaftaran-khairat-2023>

Manfaat : UNTUK AHLI YANG AKTIF SAHAJA.

Orang yang di lindungi	Umur	Manfaat
Ahli yang berdaftar	Tiada had umur	RM 900.00

Tanggungannya	Umur	Manfaat
Suami/Isteri/Isteri-isteri	Tiada had umur	RM 900.00
Anak/anaktiri/anak angkat	23 tahun ke bawah	RM 900.00

8. Kos/perbelanjaan urusan jenazah

***Bagi bukan ahli atau keahlian tidak aktif BKKSM, keseluruhan kos adalah ditanggung oleh waris.**

Urusan	Kos untuk AHLI
Tanah kubur(<i>liang/lahat</i>)*	RM 650.00
Kain kafan serta peralatan	RM 150.00
Mandi jenazah	RM 100.00
Van/kenderaan jenazah	Percuma radius Puncak Alam
Jamuan & tahlil 3 malam di SURAU	Sumbangan BKKSM
Jumlah keseluruhan	RM 900.00

**Kos tanah kubur telah ditetapkan oleh pihak Tanah Wakaf Perkuburan Masjid Puncak Alam dan MESTI di bayar kepada Bendahari Masjid Puncak Alam pada hari pengkebumian tersebut.*

Nota:

***Adik/abang/kakak, ipar, sepupu, datuk dan nenek TIDAK tertakluk di bawah tanggungan, mereka mestilah mendaftar atas nama sendiri dan MESTI menetap di Alam Suria. *Manfaat ahli adalah tertakluk kepada dana yang terkumpul di dalam simpanan BKKSM. Namun sekiranya dana yang ada tidak mencukupi, pihak AJK BKKSM akan menjalankan tabung kutipan khas daripada ahli BKKSM untuk menampung kos pengurusan jenazah.**

